



UNIVERSITI TOKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
MEJ (B) OTHMAN BIN HJ AHMAD  
PENGALAMAN SEORANG BEKAS TENTERA

DOKUMENTASI LISAN

(IMR 604)

DISEDIAKAN OLEH:

NUR FARHANAH BINTI OTHMAN (2016537889)  
NURUL ATHIRAH BINTI AZMI (2016717019)

DISEDIAKAN UNTUK:

DR. AZREE BIN AHMAD

KUMPULAN:

KIM 244 5C

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

(IM244)

UiTM KEDAH

## **ISI KANDUNGAN**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
ABSTRAK	1-5
PENGHARGAAN	6
RUJUKAN KATA	7
RUJUKAN PERKATAAN	8
SINGKATAN NAMA	9
BIODATA PENEMUBUAL	10-11
BIODATA TOKOH	12-13
KAJIAN LITERATUR	14-15
SEJARAH LISAN	16-17
CARA PELAKSANAAN SEJARAH LISAN	18
TRANSKRIP TEMUBUAL	19-29
LOG TEMUBUAL	30-36
RALAT	37
GLOSARI	38-39
INDEKS	40
KESIMPULAN	41
RUJUKAN	42
LAMPIRAN	43-58

**ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

### **PENGALAMAN SEORANG BEKAS TENTERA**

Nur Farhanah Binti Othman

Nurul Athirah Binti Azmi

Dr. Azree Bin Ahmad

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA

Kampus Sungai Petani

Merbok, Kedah

nurfarhanahothman.21@gmail.com & atierahazmi96@gmail.com

#### **ABSTRAK:**

*Pengkajian ini adalah mengenai pengalaman Mej (B) Othman Bin Hj Ahmad sebagai seorang bekas tentera. Di dalam kajian ini, beliau menceritakan pengalaman beliau semasa mengikuti latihan tentera, pengalaman semasa menjadi anggota tentera dan pengalaman menjadi tentera pengaman di Somalia. Selain itu, dalam sesi temubual pertama, beliau juga menceritakan pengalaman beliau berjauhan dengan keluarga kerana terlibat dalam tugas yang perlu diselesaikan. Manakala dalam sesi temubual yang kedua pula, beliau menceritakan tentang pengalaman tidak dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama-sama keluarga.*

*Kata kunci Tentera, pengalaman, ketenteraan, tugas, tentera pengaman*

## **LATAR BELAKANG**

Di dalam penyelidikan ini, Mej (B) Othman Bin Hj Ahmad juga telah menceritakan serba sedikit tentang latar belakang beliau. Beliau lahir pada 17 September 1957 dan dilahirkan di

. Beliau ialah anak dari seorang petani dan seorang penoreh getah. Beliau telah berjinak dalam bidang ketenteraan ini semasa umur 19 tahun. Beliau mempunyai lapan orang adik beradik dan merupakan anak keempat.

Pada tahun 1981, beliau telah menamatkan zaman bujang dengan wanita yang berasal dari Kepala Batas, Pulau Pinang. Hasil dari perkahwinannya bersama isteri, mereka dikurniakan lima orang cahaya mata. Lima orang cahaya mata tersebut terdiri daripada tiga lelaki dan dua perempuan. Selain itu, beliau juga mempunyai empat orang cucu yang terdiri daripada dua lelaki dan dua perempuan.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Inggeris Sungai Layar sehingga ke darjah enam dan seterusnya melanjutkan pelajaran dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Ibrahim ataupun terkenal dengan *Ibrahim Secondary School*.

Setelah berkhidmat selama 32 tahun, beliau telah bersara pada bulan Januari 2005. Beliau menubuhkan sebuah syarikat iaitu dikenali sebagai O and N Enterprise. Syarikat ini bertanggungjawab membekalkan alat-alat tulis, kerja pembersihan, membekalkan alat-alat untuk nurseri iaitu pokok, baja, racun dan sebagainya. Hobi beliau adalah memancing dan membela binatang. Hobi ini adalah hobi semulajadi beliau semenjak beliau dari kecil lagi. Itulah hobi dan minat beliau kerana ia akan memberi ketenteraman pada jiwa beliau apabila menghadapi tekanan.

## **PENGALAMAN SEORANG BEKAS TENTERA**

Di dalam pengkajian ini, beliau banyak menceritakan tentang pengalaman sebagai seorang tentera selama 32 tahun. Beliau telah memasuki atau menceburkan diri di dalam angkatan tentera iaitu pada tahun 1973. Beliau mendapat latihan asas di Pusat Latihan Tentera Darat iaitu di Port Dickson. Selepas tamat latihan beliau ditukarkan ke Batalion Keenam Rejimen Askar Melayu Diraja yang berpengkalan di Kem Batu Tiga Kluang Johor.

Pada tahun 1975 beliau dan pasukan beliau berpindah ke Kem Kukusan Tawau, Sabah. Semasa berkhidmat di Semenanjung iaitu pada tahun sehingga tahun 1975, beliau telah terlibat di dalam operasi memburu pengganas komunis iaitu di Sempadan Malaysia-Thailand, Pahang, Kedah dan Johor. Dalam operasi-operasi tersebut beliau dan pasukan telah ditugaskan untuk memburu pengganas komunis yang terlibat di dalam serang hendap iaitu di Jalan Baling Kroh. Walaubagaimanapun mereka tidak dapat mengesan pengganas komunis itu kerana di bersempadan dengan Thailand dipercayai pengganas komunis telah melarikan diri ke sempadan. Satu peristiwa telah berlaku iaitu semasa menjalani latihan operasi di kawasan Kuala Nerang iaitu di kawasan Durian Gurun, Padang Sanai bersempadan dengan Thailand, mereka telah menjumpai satu *food dump* ataupun tempat simpanan makanan komunis yang ditanam di dalam tanah. Makanan makanan yang dijumpai ialah seperti beras, minyak masak dan ikan sardin.

Pada pertengahan tahun 1975 sehingga tahun 1977 beliau telah mengikuti pasukan beliau berpindah berkhidmat di Malaysia Timur iaitu di Kem Kukusan Tawau, Sabah. Sepanjang berkhidmat di Tawau, mereka juga terlibat di dalam operasi menentang pengganas komunis iaitu di Sarawak, kawasan Bau, Sarawak ataupun Lundu, Sarawak. Dalam operasi tersebut, pasukan beliau telah berjaya menghadkan penggerakan pengganas komunis iaitu di kawasan Lundu dan selepas berkhidmat di Sarawak selama lebih kurang dua bulan, mereka berpindah balik ke Tawau, Sabah. Di Tawau beliau terlibat dalam operasi menyelamat iaitu kejadian bot ekspres terlibat dalam kemalangan iaitu dalam pelayaran dari Tawau Kenonokan Kalimantan telah melanggar batang balak dan tenggelam. Dipercayai terdapat lebih kurang 200 penumpang dalam bot tersebut. Beliau juga terlibat dengan kerja-kerja menyelamat iaitu memindahkan orang yang terlibat dan mengumpulkan mayat-mayat yang terlibat dalam kemalangan tersebut. Seterusnya pada 1978, pasukan beliau berpindah balik ke Kem Taiping, Perak.

Semasa berkhidmat di Taiping, beliau terlibat di dalam banyak operasi menentang pengganas komunis terutamanya dari Sempadan Perak dengan Thailand, Perak dengan Kelantan dan Perak dengan Pahang. Dalam operasi-operasi yang dijalankan, pasukan mereka telah berjaya membunuh seorang pengganas komunis iaitu di Cameron Highland dan dalam operasi ini pasukan beliau telah banyak mengalami kejadian-kejadian yang tidak diingini iaitu diserang hendap oleh pengganas komunis dan banyak juga bilangan anggota yang terperangkap di dalam serangan komunis. Selain itu, terdapat anggota yang terkorban dan juga anggota-anggota yang mendapat kecederaan iaitu seperti terpijak jerangkap samar.

Pengalaman utama yang beliau lalui ialah ketika operasi di Somalia. Pada bulan Julai 1994, Februari 1995, beliau bertugas di Somalia bersama dengan pasukan MALBAT Tiga (Malaysia Batalion Tiga) sebagai tentera pengaman ataupun Force Skipping. Banyak pengalaman beliau perolehi semasa berkhidmat di negara yang bergolak ini. Pengalaman yang beliau tidak dapat lupakan iaitu semasa beliau sampai semasa mendarat di Lapangan Terbang Mogadisu, didapati kawasan pejabat pejabat di Lapangan Terbang telah dikepung dengan ataupun dipagar dengan *consitenal wayar* ataupun dawai bergulung. Satu kejadian telah berlaku di mana beliau dapati anak-anak orang Somalia telah menghampiri dan beliau telah memberi sebotol air mineral kepada salah seorang daripada kanak kanak tersebut. Dengan tiba tiba sekumpulan anak muda telah datang dan merebut botol air mineral tersebut sehingga alih kanak-kanak tersebut mendapat kecederaan. Walau bagaimanapun, beliau tidak dapat membantu ataupun menolong kanak-kanak tersebut kerana itu adalah sikap orang-orang Somalia yang tidak mahukan bantuan daripada orang asing.

Semasa di Somalia, beliau berpengkalan di Kompleks Universiti Mogadisu iaitu berjauhan dengan jarak antara Lapangan Terbang dengan Kompleks Universiti Mogadisu ada lebih kurang 5 ke 6 kilometer. Beliau dan pasukan dibawa dengan menaiki kenderaan APC ataupun *Anti Personal Carier* ke tempat penempatan iaitu di Kompleks Mogadisu. Pengalaman-pengalaman yang beliau perolehi iaitu semasa berada di dalam Kompleks Mogadisu, ialah pergerakan mereka sentiasa dalam keadaan siap sedia di mana mereka dikehendaki memakai jaket kalis peluru dan topi besi ataupun *ballistik helmet* walaupun bergerak antara bangunan ke bangunan. Hal ini kerana, penduduk-penduduk ataupun pemberontak-pemberontak sentiasa menggunakan peluru mortar untuk menembak sasaran dan dikhuatiri peluru tersebut ataupun bom tersebut terjatuh di dalam kem.

Setelah kembali dari Somalia dan pasukan MALBAT 3 dibubarkan, beliau kembali ke pasukan asal beliau iaitu di Rejimen ke 14 Askar Melayu Diraja yang berpangkalan di Kem

Mahkota Kluang Johor. Pada pertengahan tahun 1996, beliau ditukarkan ke Markas Stesyen Staf Taiping sehingga bersara pada tahun 2005. Semasa berkhidmat di Taiping beliau ditugaskan sebagai pegawai logistik yang bertanggungjawab kepada rumah keluarga, kemudahan latihan seperti lapang sasa, padang permainan, kebersihan kem, sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Sultan Yusof.

Beliau juga terlibat dengan beberapa operasi semasa berada di Semenanjung Malaysia. Pada awal tahun 1986 sehingga tahun 1988, beliau telah ditukarkan ke Sekolah Latihan Tentera Darat iaitu di Port Dickson, Negeri Sembilan sebagai jurulatih logistik. Di sini beliau ditugaskan untuk mengajar anggota-anggota tentera termasuk anggota tentera dari negara Brunei Darussalam tentang pengurusan logistik. Selepas menjadi jurulatih di Sekolah Latihan Tentera Darat, beliau ditukarkan ke Markas Stesen Staf Sungai Petani sehingga tahun 1991. Di Markas Stesen Staf Sungai Petani beliau bertanggungjawab dari segi logistik untuk anggota tentera yang berada di Kem Lapangan Terbang Sungai Petani seperti pengurusan rumah keluarga, pengurusan fasilitas latihan iaitu padang tembak, padang permainan dan kebersihan kem.

Pada penghujung tahun 1991, beliau ditugaskan sebagai pegawai logistik dalam tentera darat dan berkhidmat dengan pasukan 14 Rejimen Askar Melayu Diraja di Kem Terendak, Melaka. Tugas-tugas beliau adalah sebagai pengurus pengurusan senjata senjata bantuan 106 millimeter dan jip pembawa senjata bantuan. Pengalaman beliau juga ialah pernah terlibat dalam operasi ketika Hari Raya dan itu juga salah satu pengalaman pahit yang tidak dapat beliau lupakan. Selain itu, isteri beliau melahirkan anak ketika beliau di dalam operasi. Perasaan sedih menyeluburi beliau kerana tidak dapat menatap wajah anaknya ketika dilahirkan.

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Assalammualaikum w.b.t

Alhamdulillah, segala syukur kami panjatkan kepada Allah s.w.t kerana dengan izinnya kami telah berjaya menyiapkan tugas bagi subjek IMR 604 Dokumentasi Sejarah Lisan pada masa dan waktu yang telah ditetapkan. Pertama sekali, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA kerana memberi peluang kepada kami untuk melakukan penyelidikan ini. Sepanjang penyelidikan, kami telah menempuh pelbagai pengalaman berharga dan bermakna dalam hidup sebagai seorang pelajar.

Jutaan terima kasih kami kalungkan kepada Mej (B) Othman Bin Hj Ahmad kerana sudi meluangkan masa dan memberikan komitmen kepada kami untuk melengkapkan penyelidikan ini. Beliau adalah seorang tokoh yang sudi berkongsi pengalaman beliau sendiri sepanjang berkhidmat sebagai anggota tentera Malaysia serta telah memberikan sokongan kepada kami untuk menyiapkan penyelidikan ini. Beliau telah berkongsi pelbagai maklumat tentang pengalaman beliau dalam bidang ketenteraan terutamanya mengenai operasi di Somalia. Melalui temubual ini kesedaran akan kepentingan membanteras kegiatan penyeludupan dada kepada negara dan generasi akan datang dapat disematkan dalam jiwa sebagai rakyat yang cinta akan Malaysia.

Tidak lupa setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah iaitu Dr Azree Bin Ahmad, diatas dorongan dan tunjuk ajar kepada kami bermula daripada pencarian tokoh sehingga kepada selesainya transkrip ini. Beliau telah meluangkan banyak masa untuk memastikan penyelidikan ini dapat diselesaikan dengan lengkap dan sistematik. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa kerana telah memberi sokongan dan dorongan kepada kami. Tanpa mereka, perjalanan untuk melengkapkan penyelidikan ini pasti lebih berliku. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami didalam menghasilkan penyelidikan ini.

Akhir kata, kami berharap agar penyelidikan ini dapat memberi manfaat dan dijadikan sebagai sebuah bahan rujukan tambahan yang berguna untuk para pembaca, penyelidik dan generasi akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

# **RUJUKAN KATA**

### **RUJUKAN KATA**

<b>PERKATAAN</b>	<b>MAKSUD</b>
Bapak	Bapa
Jugak	Juga
Kalih	Kalis
Karna	Kerana
Laa	Lah
Laki	Lelaki
Ni	Ini
Tak	Tidak
Termat	Teramat

# **RUJUKAN PERKATAAN**

### **RUJUKAN PERKATAAN**

<b>PERKATAAN</b>	<b>MAKSUD</b>
Berpuah	Berpuas
Dibawak	Dibawa
Dikhuatari	Dikhuatiri
Pahaman	Fahaman
Per-istiwa	Peristiwa
Satu bulan	Sebulan
Seratuih	Serratus

# **SINGKATAN NAMA**

### **SINGKATAN NAMA**

<b>SINGKATAN NAMA</b>	<b>NAMA PENUH</b>
NFO	Nur Farhanah Binti Othman
NAA	Nurul Athirah Binti Azmi
MBO	Mej (B) Othman Bin Hj Ahmad

# **BIODATA PENEMUBUAL**

## **1.0 BIODATA PENEMUBUAL**

### **1.1 BIODATA PENEMUBUAL PERTAMA**



<b>NAMA</b>	NUR FARHANAH BINTI OTHMAN
<b>NO. PELAJAR</b>	2016537889
<b>PROGRAM</b>	IM 244
<b>FAKULTI</b>	FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
<b>KAMPUS</b>	UiTM KEDAH
<b>EMAIL</b>	
<b>ALAMAT</b>	

## 1.2 BIODATA PENEMUBUAL KEDUA



<b>NAMA</b>	NURUL ATHIRAH BINTI AZMI
<b>NO. PELAJAR</b>	2016717019
<b>PROGRAM</b>	IM 244
<b>FAKULTI</b>	FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
<b>KAMPUS</b>	UiTM KEDAH
<b>EMAIL</b>	
<b>ALAMAT</b>	

# **BIODATA TOKOH**

## 2.0 BIODATA TOKOH



<b>NAMA PENUH</b>	MEJ (B) OTHMAN BIN HJ AHMAD
<b>NAMA PANGGILAN</b>	OTHMAN
<b>TARIKH LAHIR</b>	
<b>UMUR</b>	64 TAHUN
<b>TEMPAT LAHIR</b>	
<b>PEKERJAAN</b>	PESARA TENTERA
<b>BIDANG</b>	TENTERA DARAT

## 2.1 PENGENALAN TOKOH

Mej (B) Othman Bin Hj Ahmad merupakan seorang pesara tentera darat yang telah berkhidmat selama tiga puluh dua tahun dalam bidang ketenteraan. Pada tahun 2018 ini, beliau telah menginjak ke usia enam puluh empat tahun. Beliau mula berjinak jinak dalam bidang ketenteraan ini semasa umur beliau lapan belas tahun.

Beliau menamatkan zaman bujang semasa umur dua puluh tujuh tahun bersama Normah Bt Shekh yang ketika itu tinggal di Simpang Ampat, Kepala Batas, Pulau Pinang. Hasil dari pekahwinannya, beliau dan isteri dikurniakan lima orang anak, yang terdiri daripada tiga lelaki dan dua perempuan.

Beliau merupakan anak keempat dari lapan orang adik beradik. Beliau merupakan anak kepada seorang petani dan seorang penoreh getah. Beliau telah mendapatkan pendidikan awal di Sekolah Inggeris Sungai Layar sehingga ke darjah Enam dan seterusnya melanjutkan pelajaran dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Ibrahim ataupun terkenal dengan Ibrahim Secondary School. Sebaik sahaja bersara dalam bidang ketenteraan, beliau dan isteri menceburkan diri dalam bidang keusahawanan tetapi hanya berjaya diusahakan sekerat jalan atas sebab sebab tertentu. Selepas itu sehingga kini, beliau mengisi masa lapang dengan menjalankan aktiviti dan hobi beliau serta banyak meluangkan masa bersama keluarga.

Pengalaman dan pengetahuan beliau semasa menjadi anggota tentera amat mendalam dan berguna untuk dijadikan panduan untuk remaja masa kini dan masa hadapan. Akhir sekali, segala maklumat dan pengalaman yang dikongsi dapat kita jadikan sebagai iktibar dan kita boleh mengambil pengajaran dari cerita dan maklumat yang disampaikan.

# KAJIAN LITERATUR

## **3.0 KAJIAN LITERATUR**

### **3.1 PENGENALAN**

Pengkajian ini adalah mengenai pengalaman Mej (B) Othman Bin Hj Ahmad sebagai seorang bekas tentera. Di dalam kajian ini, beliau menceritakan pengalaman beliau semasa mengikuti latihan tentera, pengalaman semasa menjadi anggota tentera dan pengalaman menjadi tentera pengaman di Somalia. Selain itu, dalam sesi temubual pertama, beliau juga menceritakan pengalaman beliau berjauhan dengan keluarga kerana terlibat dalam tugas yang perlu diselesaikan. Manakala dalam sesi temubual yang kedua pula, beliau menceritakan tentang pengalaman tidak dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama-sama keluarga.

Semasa pengalaman mengikuti latihan ketenteraan, terdapat beberapa halangan dan cabaran yang perlu beliau tempuh dengan begitu sabar. Hal ini demikian kerana, semasa menjalani latihan ketenteraan, beliau mengatakan setiap anggota tentera perlu mempunyai semangat yang tinggi dan mental yang kuat. Beliau mengatakan sebegini kerana semasa sesi latihan berlangsung, terdapat pelbagai aktiviti aktiviti yang menguji kesabaran mental dan fizikal. Ia juga sama semasa menjadi pegawai tentera di mana memerlukan sifat sabar yang tinggi kerana tidak begitu mudah untuk melatih anggota anggota tentera yang baru berkecimpung dalam ketenteraan.

Selain itu, beliau juga menceritakan pengalaman semasa menjadi tentera pengaman dengan lebih mandalam. Pengalaman tersebut amat diingati dan tidak lekang dari ingatan. Hal ini kerana, terlampau banyak kenangan suka dan duka semasa beliau berkhidmat di negara Somalia itu. Salah satunya ialah, beliau dapat menyaksikan sendiri betapa pahit dan susahnya rakyat di sana menjalani kehidupan sehari-hari yang sarat dengan kekurangan bahan mentah dan makanan. Ia memberi sebanyak sedikit pengajaran kepada beliau dan pasukan, sebagai contoh, kita hendaklah mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan dan yang diberikan oleh Allah S.W.T tidak kira nikmat itu sedikit atau banyak. Selain itu, kita juga tidak boleh merungut dengan pemberian yang dikurniakanNya.

Akhir sekali, beliau juga menasihati serta memberi kata-kata semangat kepada anak-anak muda yang ingin menceburi bidang ketenteraan ini.

### **3.2    OBJEKTIF KAJIAN**

1. Untuk menyediakan bahan rujukan kepada masyarakat dan pengkaji sejarah mengenai pengalaman seorang anggota tentera.
2. Untuk mempertingkatkan jati diri di kalangan golongan orang muda untuk panduan masa hadapan.
3. Untuk memastikan penghayatan nilai murni sejarah terus hidup dan segar dalam jiwa rakyat Malaysia.

### **3.3    PERNYATAAN MASALAH**

1. Tidak banyak kajian yang dilakukan mengenai ilmu pengetahuan dan pengalaman seorang bekas tentera pada masa kini.
2. Masyarakat luar kurang mengetahui dan mengambil tahu tentang pengorbanan seorang tentera untuk negara kita.

### **3.4    HIPOTESIS**

1. Penyelidikan tentang pengalaman yang dikongsikan telah banyak memberi pendedahan kepada anak muda tentang pentingnya mempertahankan maruah dan sejarah negara.
2. Hasil daripada penyelidikan ini kami telah didedahkan dengan pengetahuan baru tentang pengalaman menjadi seorang anggota tentera yang penuh dengan semangat waja dan jati diri yang tinggi untuk dijadikan batu loncatan dan pedoman kepada generasi muda akan datang.

# **SEJARAH LISAN**

## **4.0 SEJARAH LISAN**

### **4.1 PENGERTIAN SEJARAH LISAN**

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seorang tokoh yang dirakamkan secara temubual. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari segi penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan Salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Menurut asosiasi sejarah lisan, adalah sebuah kaedah pengumpulan dan penyimpanan maklumat kesejarahan termasuk di dalamnya catatan wawancara dari orang atau saksi peristiwa tentang masa lalu dan pandangan hidupnya. Ia meliputi kumpulan atau koleksi sistematik dari kesaksian-kesaksian tentang testimony kehidupan seseorang mengenai pengalaman-pengalaman peribadinya.

Selain itu, menurut Gazali Usman (1983), beliau memberikan definisi sejarah lisan sebagai rakaman pita dari temubual tentang peristiwa yang dialami oleh pengkisah. Hal ini demikian, isi pita rakaman berupa temubual antara pewancara (interviewer) dengan pengkisah. Jadi, dengan kepelbagaiannya pengertian sejarah lisan tersebut, maka tampaklah keseragaman dalam melihat muatan utama sejarah lisan, yakni memori atau ingatan manusia. Dengan demikian, tanpa adanya ingatan manusia tidak mungkin ada sejarah lisan. Sebaliknya, tidak mungkin ada sejarah lisan tanpa ada ingatan manusia. Sehingga jelas bahawa sejarah lisan pada dasarnya merupakan pembinaan semula visual berdasarkan berbagai persitiwa sejarah yang benar terjadi yang terdapat di dalam memori setiap individu manusia.

Menurut B. Lapian (1981), beliau mengatakan bahawa di Amerika Syarikat sejarah lisan difahami sebagai rakaman pita (tape recording) daripada temubual tentang persitiwa atau hal-hal yang dialami oleh pengkisah (interviewee) atau lebih tepat lagi rakaman pada pita kaset tentang pengalaman-pengalaman yang masih diingat oleh pengkisah.

#### **4.2 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN**

Sejarah lisan adalah proses melibatkan orang yang menceritakan peristiwa dengan pengumpul maklumat yang memperkatakan peristiwa yang lepas dan dirujuk daripada ingatan seseorang, kertas, diari, surat, gambar dan sebagainya. Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber primer yang didapati daripada hasil rakaman perbualan yang dibuat melalui temuramah yang telah dirancang dan direkodkan oleh para penyelidik dan infonnan. Fakta sejarah lisan dikatakan mempunyai kekuatan tersendiri yang dapat menjelaskan peristiwa masa lampau yang telah berlaku. Ianya terdiri daripada berbagai-bagai jenis sastera rakyat (folklore) seperti mitos, lagenda, cerita asal-usul dan sebagainya (Abdul Rahman, 1996).

Peranan sejarah lisan amat penting untuk membina semula peristiwa-peristiwa sejarah bagi mengantikan rekod-rekod yang telah hilang atau dimusnahkan oleh pihak penjajah seperti Jepun dan British. Ia amat berguna untuk mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis, untuk menambah sumber bertulis yang sedia ada dengan keterangan-keterangan sejarah yang telah dicatatkan, untuk menyelamatkan keterangan-keterangan sejarah yang akan hilang dan ia juga sebagai pendorong kepada penyelidik untuk membuat penyelidikan ke atas perkara-perkara yang telah disediakan dengan sumber-sumber lisan (Nadzan, 1979). Selain itu, ia juga berperanan dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar kedalam sesuatu masyarakat atau pun sebaliknya. Melalui sejarah lisan, orang yang ditemubual mampu memberi pandangan baharu tentang peristiwa bersejarah kerana informasi juga boleh terdiri daripada kalangan orang biasa dan bukan daripada golongan elit sahaja.

Dengan cara ini, ia dapat membantu meningkatkan harga dan keyakinan diri setiap lapisan masyarakat. Ia juga mampu menjadi penghubung dalam mewujudkan persefahaman antara kelas sosial dan diantara generasi ke generasi yang lain. Ini juga dapat menjadi pencetus semangat masyarakat agar lebih menyedari sejarah mereka sendiri dan merangsang minat dan penyelidikan tentang sejarah tempatan. Dengan pemahaman yang terjalin diantara masyarakat dan ahli sejarah, ia boleh menimbulkan rasa kebersamaan pada sesuatu tempat (daerah atau negeri) dan masa. Dalam masa yang sarna, sejarah lisan juga mampu mencabar lagenda atau sejarah yang telah sedia diketahui oleh masyarakat dan ini membuka ruang kepada perubahan dalam pengertian sosial terhadap sejarah.

# **CARA PELAKSANAAN SEJARAH LISAN**

## **5.0 CARA PERLAKSANAAN SEJARAH LISAN**

### **5.1 PERANCANGAN TEMUBUAL**

Perancangan yang baik akan dapat menghasilkan sebuah pengumpulan sumber yang sangat baik. Perancangan temubual hendaklah diambil kira oleh orang yang hendak menemubual seseorang tokoh itu berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Seperti contoh, memilih tokoh yang hendak di temubual dengan mengetahui dan menyelidik latar belakang serta sejarah tokoh tersebut. Selain itu, penemubual hendaklah mengetahui tentang tajuk yang akan ditanyakan semasa temubual dan penemubual seharusnya menyenaraikan soalan-soalan yang akan di tanya semasa temubual supaya proses temubual akan berjalan dengan lancar. Perkara yang paling penting ialah, penemubual hendaklah menyediakan pita perakam suara untuk merakam suara sepanjang temubual berlangsung.

### **5.2 PELAKSANAAN TEMUBUAL**

Perkara yang harus diperhatikan semasa sesi temubual adalah dengan mendapatkan maklumat-maklumat tentang tokoh, contohnya kisah hidup beliau, pengalaman serta penemuan-penemuan baru yang tersirat daripada petua yang ada pada tokoh. Penemubual seelok-elochnya menemubual tokoh dengan mengajukan soalan-soalan yang telah dirancang supaya terhindar daripada menyebut isu-isu sensitif dan hendaklah diajukan terlebih dahulu kepada tokoh yang akan ditemuramah.

### **5.3 ORANG YANG DITEMUBUAL**

Orang yang hendak di temubual hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang yang menjadi tajuk pilihan temubual. Hai ini demikian kerana, untuk memastikan segala maklumat yang diperolehi adalah tepat.

### **5.4 TEMA ATAU PILIHAN TAJUK TEMUBUAL**

Tema yang dipilih akan menjadi garis panduan yang utama semasa merangka soalan yang akan ditanya kepada tokoh semasa temubual. Maklumat yang diperolehi hendaklah tepat dan sahih untuk mengelakkan pengkaji daripada mendapat maklumat yang salah.

### **5.5 FAKTOR PEMILIHAN TOKOH**

1. Mempunyai pengalaman yang lama sebagai seorang tentera.
2. Mempunyai banyak ilmu pengetahuan tentang ketenteraan.
3. Merupakan bekas anggota tentera yang mepunyai jati diri yang tinggi

# **TRANSKRIP TEMUBUAL**

## **6.0 TRANSKRIP TEMUBUAL**

### **6.1 TEMUBUAL PERTAMA**

**NAA:** Assalamualaikum Tuan. Saya Nurul Athirah Bt Azmi dan kawan saya, Nur Farhanah Bt Othman akan menemu ramah Tuan untuk subjek IMR 604 [tersasul]. Kami dari UiTM Merbok, Kedah. Tujuan temu ramah ini adalah untuk mendokumentasikan pengalaman Tuan sepanjang berkhidmat sebagai tentera [termasuk suara Farhanah]

**NFO:** Boleh Tuan ceritakan serba sedikit tentang [aaa] biodata diri Tuan?

**MBO:** [bunyi hujan] [berfikir sejenak] Bismillahirrahmanirrahim, saya Mej. (B) Othman Bin Hj Ahmad bukanlah tokoh terkenal tetapi adalah sebagai seorang perwira negara [berhenti sekejap]. Saya dilahirkan pada tujuh belas, sembilan, lima puluh empat di Tikam Batu, Sungai Petani, Kedah. Saya anak keempat dari lapan orang adik beradik dari keluarga petani [berfikir sejenak]. Bapak (Bapa) saya adalah seorang petani dan seorang penoreh getah. Saya [berdehem] mendapat pendidikan awal di Sekolah Inggeris Sungai Layar sehingga ke darjah Enam dan seterusnya melanjutkan pelajaran dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Ibrahim ataupun terkenal dengan *Ibrahim Secondary School*.

**NAA:** [aaa] Okay, Tuan. Boleh Tuan cerita serba sedikit [hmm] bila Tuan menamatkan zaman bujang dan serba sedikit [aaa] tentang nama isteri, bilangan anak?

**MBO:** [bunyi kipas] Saya telah mendirikan rumah tangga pada tahun sembilan belas lapan puluh satu dengan pasangan saya iaitu isteri saya, Normah Bt Shekh yang berasal dari Kepala Batas, Seberang Prai [bunyi hujan]. Mempunyai lima orang cahaya mata, dua [tersasul] tiga laki (lelaki) dan dua perempuan yang berusia antara tiga puluh enam hingga dua puluh dua tahun dan mempunyai empat orang cucu berusia lapan tahun, yang sulung [ulangan ayat] berusia lapan tahun, yang kecil sekali iaitu berusia satu bulan (sebulan).

**NFO:** Okay, bolehkah Tuan ceritakan serba sedikit [aaa] bila Tuan berkecimpung dalam anggota badan beruniform ni (ini).

**MBO:** Saya telah memasuki atau menceburkan diri di dalam angkatan tentera iaitu pada tahun sembilan belas tujuh puluh tiga. Saya mendapat latihan asas di pusat latihan tentera darat iaitu di port Dickson. Selepas tamat per[tersasul] latihan saya ditukarkan ke Batalion Keenam Rejimen Askar Melayu Diraja yang berpengkalan di Kem Batu Tiga Kluang Johor. Iaitu dari tahun Sembilan belas, selepas tamat latihan sehinggalah tahun sembilas belas tujuh puluh lima.

Pada tahun Sembilan belas tujuh puluh lima saya berpindah [betulkan ayat] pasukan saya berpindah ke Kem Kukusan Tawau, Sabah. Semasa berkhidmat di Semenanjung iaitu pada tahun sem [tersasul] (selepas) tamat latihan sehingga tahun Sembilan belas tujuh puluh lima, saya telah terlibat di dalam operasi memburu pengganas komunis iaitu di Sempadan Malaysia-Thailand, Pahang, Kedah dan Johor. Dalam operasi-operasi tersebut saya telah [mengimbau kembali] iaitu semasa operasi di Sempadan Thailand, pasukan saya telah ditugaskan untuk memburu pengganas komunis yang terlibat di dalam serang hendap iaitu di Jalan Baling Kroh. Walau mana[tersasul] (walaubagaimanapun) kami tidak dapat mengesan pengganas komunis itu kerana dia bersempadan dengan Thailand dipercayai pengganas komunis telah melarikan diri ke se-se [tersasul] (seberang) sempadan. Satu peristiwa (peristiwa) telah berlaku iaitu semasa menjalani latihan [tersasul] operasi di kawasan Kuala Nerang iaitu di kawasan Durian Gurun, Padang Sanai [batuk] bersempadan dengan Thailand, kami telah menjumpai satu *food dump* ataupun tempat simpanan makanan komunis yang ditanam di dalam tanah. [bunyi hujan] Makanan makanan yang dijumpai ialah seperti beras, minyak masak dan ikan sardin.

**NAA:** Difahamkan Tuan telah berkhidmat di Johor pada tahun sembilan belas tujuh puluh tiga hingga sembilan belas tujuh puluh lima, bolehkah kami tahu negeri manakah pula yang Tuan pernah berkhidmat?

**MBO:** Pada pertengahan tahun sembilan belas tujuh puluh lima sehingga tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh saya telah mengikuti pasukan saya berpindah berkhidmat di Malaysia Timur iaitu di Kem Kukusan Tawau, Sabah. [berfikir]. Sepanjang berkhidmat di Tawau, kami juga terlibat di dalam operasi menentang pengganas komunis iaitu di Sarawak, kawasan Bau, Sarawak ataupun Lundu, Sarawak. Dalam operasi tersebut, pasukan saya telah berjaya [berfikir dan ulangan ayat] menghadkan penggerakan pengganas komunis iaitu di kawasan Lundu dan selepas berkhidmat di Sarawak selama lebih kurang dua bulan, kami berpindah balik ke Tawau, Sabah. Di Tawau saya terlibat dalam operasi menyelamat iaitu kejadian bot ekspres tersebut dalam kemalangan iaitu dalam perjalanan..per [tersasul] (pelayaran) dari Tawau Kenonokan Kalimantan telah melanggar batang balak dan tenggelam. Dipercayai terdapat lebih kurang dua ratus penumpang dalam bot tersebut dan saya terlibat dengan kerja kerja menyelamat iaitu memindahkan anggota..er[ tersasul] orang orang yang terlibat dan mengumpulkan mayat mayat yang terlibat dalam kemalangan tersebut. Seterusnya pada tahun sembilan belas tujuh puluh lapan, pasukan saya berpindah balik ke Kem Taiping, Perak.

**NFO:** Telah difahamkan setelah Tuan berkhidmat di Sabah dan Sarawak, Tuan pulang ke Taiping untuk berkhidmat di Kem Taiping Perak. Bolehkah Tuan ceritakan serba sedikit tentang perkhidmatan Tuan selama di Kem Taiping, Perak?

**MBO:** Semasa berada di Taiping ataupun Semasa berkhidmat di Taiping, saya terlibat di dalam banyak operasi menentang penganas komunis terutamanya dari di Sempadan Perak dengan Thailand, Perak dengan Kelantan dan Perak dengan Pahang. [bunyi guruh dan hujan]. Dalam operasi operasi yang dijalankan, pasukan kami telah berjaya membunuh seorang penganas komunis iaitu di Cameron Highland dan dalam operasi ini, dalam operasi operasi ini jugak (juga) pasukan kami, pasukan saya telah banyak mengalami [berfikir] kejadian-kejadian yang tidak diingini iaitu diserang [bunyi batuk] hendap oleh penganas komunis dan banyak jugak (juga) bilangan anggota kami terperangkap di dalam serangan komunis dan ada anggota yang terkorban dan aa[tersasul] banyak jugak anggota-anggota yang mendapat kecederaan iaitu terpijak jerangkap samar.

**NAA:** Okay, seterusnya saya nak tanya pasal apakah pengalaman yang pernah Tuan alami sepanjang berkhidmat sebagai tentera ni (ini) untuk seterusnya selepas tamat se[tersasul] tahun sembilan belas lapan puluh lima?

**MBO:** Seterusnya pada tahun sembilan belas iaitu pada awal sembilan belas lapan puluh enam sehingga tahun pertengahan tahun sembilan belas lapan puluh lapan, saya telah ditukarkan ke Sekolah Latihan Tentera Darat iaitu di Port Dickson, Negeri Sembilan sebagai jurulatih [bunyi selakan kertas] logistik. Di sini saya ditugaskan untuk mengajar anggota-anggota tentera termasuk anggota tentera dari negara Brunei Darussalam tentang pengurusan logistik. Selepas menjadi jurulatih d.. Sekolah Latihan Tentera Darat, saya ditukarkan ke Markas Stesen Staf Sungai Petani sehingga tahun sembilan belas sembilan puluh satu. Di Markas Stesen Staf Sungai Petani saya bertanggungjawab dari sega... logistik untuk anggota tentera yang berada di Kem Lapangan Terbang Sungai Petani seperti pengurusan rumah keluarga, pengurusan fasilitas latihan iaitu padang tembak, padang permainan dan kebersihan kem. Pada penghujung tahun sembilan belas sembilan puluh satu saya ditugaskan sebagai pegawai logistik dalam tentera darat dan berkhidmat dengan pasukan empat belas Rejimen Askar Melayu Diraja di Kem Terendak, Melaka. [berfikir]. Tugas-tugas saya adalah sebagai pengurus pengurusan senjata senjata bantuan satu kosong enam millimeter dan jip pembawa senjata bantuan. [berfikir]. Pada bulan Julai sembilan belas sembilan puluh empat sehingga Februari sembilan belas sembilan puluh lima, saya bertugas di Somalia bersama dengan pasukan MALBAT Tiga (Malaysia Batalion Tiga) sebagai tentera pengaman ataupun Force Skipping.

Banyak pengalaman saya perolehi semasa berkhidmat di negara yang bergolak ini. Pengalaman yang saya tidak dapat lupakan iaitu semasa saya sampai semasa kami mendarat di Lapangan Terbang Mogadisu, didapati kawasan pejabat pejabat di Lapangan Terbang telah dikepung dengan ataupun dipagar dengan *consitenal wayar* ataupun dawai bergulung. Satu kejadian telah berlaku di mana saya dapatti anak-anak orang Somalia telah menghampiri kami dan saya telah memberi sebotol air mineral kepada salah seorang daripada kanak-kanak tersebut. Dengan tidak [tersasul] dengan tiba-tiba sekumpulan anak muda telah datang dan merebut botol air mineral tersebut sehingga kanak-kanak tersebut mendapat kecederaan. Walau bagaimanapun, saya tak (tidak) dapat membantu ataupun menolong angg..bud [tersasul] kanak-kanak tersebut karna (kerana) itu adalah sikap orang-orang Somalia yang tidak mahukan bantuan daripada orang asing. [bunyi selakan kertas]. Semasa di Somalia, saya berpengkalan di Kompleks Universiti Mogadisu iaitu berjauhan dengan jarak-jarak antara Lapangan Terbang dengan Kompleks Uni..[tersasul] Universiti Mogadisu ada lebih kurang lima keenam kilometer. Kami dibawak (dibawa) dengan menaiki kenderaan [bunyi penemubual batuk] APC ataupun *Anti Personal Carrier* ke tempat penempatan iaitu di Kompleks Mogadisu. Pengalaman-pengalaman yang saya perolehi iaitu semasa berada di dalam Kompleks Mogadisu, pergerakan kami mengguna, pergerakan dalam kem tersebut [pengulangan ayat] sentiasa dalam keadaan siap sedia di mana kami dikehendaki memakai jaket kalih (kalis) peluru dan topi besi ataupun *ballistik helmet* walaupun bergerak antara bangunan ke bangunan. Disebabkan penguatkuasa tak [tersasul] penguatkuasaan tersebut adalah semasa [tersasul] angg.. apa ni.. [tersasul] penduduk-penduduk ataupun pemberontak-pemberontak sentiasa menggunakan peluru mortar untuk menembak sasaran dan dikhuatari (dikhuatiri) peluru tersebut ataupun bom tersebut terjatuh di dalam kem. Itulah disebabkan kami terpaksa berpakaian sedemikian.

**NAA:** Okay, sepanjang berada di Somalia, apakah tujuan Tuan dan pasukan berada di sana?

**MBO:** [bunyi selakan kertas] Tugas ataupun misi pasukan pengaman adalah sebagai penyatuan-penyatuan di antara etnik yang memberontak untuk mendamaikan mereka supaya negara tersebut kembali aman dan mempunyai pemerintah. Walau bagaimanapun, disebabkan di Somalia mempunyai banyak etnik dan pahaman (fahaman) [berfikir] mereka berpecah pada dua iaitu satu menyokong kerajaan dan satu lagi menentang kerajaan. Dalam usaha mendamaikan mereka ini, agar (agak) susah disebabkan ideologi mereka yang bertentangan antara satu dengan yang lain.

**NFO:** Semasa Tuan di Somalia, apakah bantuan kemanusiaan yang Tuan dan anggota telah sumbangkan kepada rakyat Somalia? [bunyi selakan kertas]

**MBO:** Selain daripada mendamaikan kedua dua belah pihak, [penemubual batuk] *MALBAT* dipertanggungjawabkan di dalam hal hal kemanusiaan seperti memberi rawatan kepada pesakit-pesakit [berfikir] yang datang untuk mendapatkan rawatan di mana tanggungjawab itu telah di beri kepada pasukan ataupun tentera Pakistan yang telah menubuhkan hospital di Kompleks Mogadisu.

**NAA:** Maaf mencelah Tuan, bolehkah kami tahu ketika umur berapakah Tuan berada, Tuan mengikuti kem ini?

**MBO:** Ketika itu umur saya empat puluh tahun dan [bunyi kipas] empat puluh tahun laa (lah).

**NFO:** Dimanakah keluarga Tuan semasa Tuan berkhidmat di luar Negara iaitu Somalia? [batuk]

**MBO:** Keluarga saya menetap di Kem Mahkota Kluang, Johor dan semasa itu saya mempunyai empat orang anak dan isteri saya sepenuh masa sebagai suri rumah tangga. Ketika itu dalam keadaan sedih juga meninggalkan keluarga dan pengalaman saya melihat anak-anak kecil di Somalia yang terdedah kepada keburukan [tersalah ayat] (kebuluran), kesengsaraan hidup dan tidak mendapat pendidikan dan kesihatan yang baik. Terlintas juga di fikiran saya dan kesedihan walaupun kami di sana [batuk] dibekalkan dengan makanan yang cukupnya tetapi melihat pada keadaan, saya berasa sedih termat (teramat) sedih melihat keadaan bangunan-bangunan telah roboh, jalan raya jalan raya telah ha [tersasul] rosak akibat dari berlakunya pemberontakan oleh orang-orang Somalia. Pada bulan Februari Sembilan belas Sembilan puluh lima, pasukan kami telah menamatkan perkhidmatan di Somalia dan bergerak balik ke Semenanjung Malaysia dan peralatan-peralatan setelah peralatan-peralatan logistik termasuk kenderaan, bahan-bahan letupan dan peluru telah dibawa balik ke Semenanjung. Saya ditugaskan untuk menyerahkan kembali sebanyak lapan puluh sebijik lapan puluh satu bijik kenderaan APC. [bercakap].

**NFO:** Selepas pulang dari Somalia, Tuan berkhidmat di negeri mana pula iaitu di seme [tersasul] di Malaysia ini?

**MBO:** Setelah kembali dari Somalia dan pasukan *MALBART* tiga digubarkan, saya kembali ke pasukan asal saya iaitu di Rejimen ke empat belas askar melayu diraja yang berpangkalan di Kem Mahkota Kluang Johor sehingga pada tahun Sembilan belas iaitu pada pertengahan tahun Sembilan belas Sembilan puluh enam. Saya ditukarkan ke Markas Stesyen Staf Taiping sehingga bersara pada tahun dua ribu lima. Semasa berkhidmat di Taiping saya ditugaskan sebagai pegawai logistik yang bertanggungjawab kepada rumah keluarga, kemudahan latihan

seperti lapang sasa, padang permainan, kebersihan kem, sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Sultan Yusof. (okay habis lah tu)

**NAA:** Okay boleh kami tahu selain daripada operasi, pernahkah Tuan terlibat dalam latihan bersama dengan tentera asing? [batuk]

**MBO:** semasa berkhidmat di Taiping iaitu bersama dengan Rejimen keenam Askar Melayu Diraja, saya telah terlibat dengan latihan Haringgaru iaitu bersama tentera Australia iaitu di kawasan Sik, Kedah.

**NFO:** Bolehkah Tuan ceritakan dimanakah Tuan dapat anugerah ini?

**MBO:** Penganugerahan pingat ANM yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-pertuan Agong iaitu di Istana Negara pada tahun dua ribu empat.

**NAA:** Okay Tuan, bolehkah kami tahu tahun bilakah Tuan bersara dan selepas bersara apakah yang Tuan lakukan?

**MBO:** Setelah berkhidmat selama tiga puluh dua tahun saya telah bersara pada bulan Januari tahun dua ribu lima. Saya menubuhkan sebuah syarikat iaitu dikenali sebagai O and N Enterprise. Syarikat ini bertanggungjawab membekalkan alat-alat tulis, kerja pembersihan, membekalkan alat-alat untuk nurseri iaitu pokok, baja, racun dan sebagainya. Hobi saya adalah sebagai seorang anak kampung minatkan hobi saya ialah memancing, membela binatang. Hobi ini adalah hobi semulajadi saya semenjak saya dari kecil lagi. Itulah hobi dan minat saya kerana ia akan memberi ketenteraman pada jiwa saya apabila menghadapi ternakan-ternakan atau tanaman-tanaman ataupun semasa memancing.

**NAA:** Okay difahamkan Tuan bersara pada tahun dua ribu lima, bolehkan Tuan imbau kembali kenangan manis dan pahit sepanjang menjadi seorang tentera?

**MBO:** Pengalaman pahit adalah iaitu satu kejadian berlaku pada kawan saya semasa kami menjalani operasi di Keramat Pulai, Perak dimana sahabat baik saya telah terlibat di dalam kemalangan semasa dalam pergerakan ke kawasan operasi [batuk]. Yang kedua iaitu pengalaman saya pengalaman pahit saya iaitu semasa berada di Somalia saya berjauhan dengan keluarga selama tujuh bulan. Saya hanya dapat menghubungi keluarga saya menggunakan telefon iaitu seminggu sekali. Kenangan manis saya semasa berkhidmat adalah saya telah dapat melawat iaitu ke Thailand ke Singapura ke Kenya.

**NAA:** Okay baiklah Tuan, ni soalan terakhir la kiranya. Sebagai pesara tentera, apakah pesanan dan nasihat buat anak muda yang ingin menyertai tentera?

**MBO:** Nasihat saya kepada anak-anak muda [bunyi bersin] yang ingin menceburi sebagai profesion tentera yang pertama komited yang kedua hendaklah memajukan diri bukan setakat kelulusan yang ada kita mesti mendapatkan kelulusan atau akademik yang lebih tinggi kerana di dalam angkatan tentera, anggota-anggota diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Dan kita hendaklah mengorbankan masa atau mengorbankan diri kita dan jangan sesekali [ulangan ayat] dan jangan sesekali berpuah (berpuas) hati dengan apa yang kita ada, sikap berlawan ataupun untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi hendaklah ditanam di dalam sanubari. Sebagai seorang tentera hendaklah mempunyai akademik yang tinggi, pengetahuan yang luas, kesihatan yang baik dan otak yang pintar.

## **6.2 TEMBUAL KEDUA**

**NFO:** Berikut adalah sesi tembual kedua bersama Mej (B) Othman Haji bin Ahmad untuk mengimbau kembali pengalaman sepanjang perkhidmatan dalam tentera.

**NAA:** Okay, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin. Okay sebelum itu, saya ingin bertanyakan apa khabar Tuan?

**MBO:** Alhamdulillah sihat sejahtera.

**NAA:** Okay, untuk soalan, kita teruskan kepada soalan pertama. Okay, per [tersasul] Tuan pernah ketika operasi, ketika itu adalah waktu raya?

**MBO:** Sepanjang perkhidmatan saya iaitu semasa saya berada di pasukan Infanteri iaitu di Batalion ke enam Rejimen Askar Melayu Diraja yang berpengkalan di Kem Batu Tiga Kluang dan Kem Taiping iaitu pada tahun Sembilan belas tujuh puluh tiga sehingga Sembilan belas lapan puluh lima terlibat di kebanyakkan operasi di sempadan Thailand dan Malaysia, negeri Pahang, Perak, Kedah. Dalam jangka masa tersebut, saya pernah terlibat di dalam operasi iaitu pada bulan Ramadhan dan berhari Raya di dalam hutan dan satu kejadian yang tidak dapat saya lupakan sehingga hari ini iaitu pada tahun Sembilan belas lapan puluh tiga semasa itu saya telah berkeluarga dan telah mempunyai seorang anak. Kami telah merancang untuk berhari Raya di kampong halaman saya dan ditakdirkan sebelum hari Raya iaitu pada dua hari sebelum hari Raya, kami telah diarahkan untuk menjalani [tukar ayat] pasukan kami telah diarahkan untuk menjalankan operasi di Gopeng, Perak. Semasa itu pasukan saya berada di Kem Taiping. Persiapan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri telah pun dibuat dimana kami merancang untuk balik iaitu satu hari sebelum hari [tersilap kata], dua hari sebelum hari Raya dan [hmmm] persiapan kami tidak, tidak dapat diteruskan ataupun pergerakan balik kami tidak pergerakan saya dan keluarga saya tidak dapat diteruskan oleh kami oleh kerana kami telah diarahkan untuk menjalankan operasi. Dan ketika itu saya tinggalkan isteri saya bersama anak saya dan beliaulah yang balik ke kampong oleh kerana saya tidak dapat balik ke kampong. Saya berasa sedih terlalu sedih kerana anak saya masih kecil ketika itu.

**NFO:** Ehem [berdehem] okay, untuk soalan kedua sepanjang perkhidmatan Tuan, adakah Tuan pernah dikenakan tindakan ataupun kesalahan tatatertib sepanjang perkhidmatan menjadi seorang tentera?

**MBO:** Sebagai seorang tentera, prinsip pertama yang harus dipegang ialah taat dan setia. Taat pada pemerintah, taat kepada komander ataupun yang memerintah dan taat setia kepada raja dan Negara. Sepanjang perkhidmatan saya, saya tidak pernah dikenakan tatatertib hanya kesalahan-kesalahan kecil sahaja iaitu seperti keluar ke pekan tidak berpakaian lengkap. Itu adalah kesalahan-kesalahan kecil saja yang saya kena saya dikenakan tindakan.

**NAA:** [bunyi kertas] Okay kita teruskan kepada soalan ketiga. Okay, apabila Tuan dan pasukan berada di dalam hutan, bagaimanakah cara Tuan solat?

**MBO:** Dalam keadaan tidak terdesak kami [batuk] mengerjakan solat ataupun ibadah secara persendirian. Disebabkan jika melakukan solat berkumpulan, ini akan mendedahkan bahaya kepada pasukan kami, jadi solat dilakukan secara persendirian mengikut kumpulan-kumpulan yang telah ditetapkan. Untuk solat berhari raya, kami juga pernah mengadakan takbir hari raya dan solat hari raya dalam kumpulan yang kecil yang diimamkan oleh anggota yang berkelayakan dalam pasukan kami.

**NFO:** Okay, untuk soalan yang keempat [berdehem] dalam sepanjang operasi ataupun sepanjang perkhidmatan Tuan ataupun sepanjang *training* [latihan] semasa *training* menjadi seorang tentera, berapa kali dalam sehari yang Tuan dijamukan dengan makanan?

**MBO:** Dalam angkatan tentera jadual sajian ataupun makanan telah ditetapkan iaitu sebanyak empat kali sehari iaitu sarapan pagi, makan tengah hari, minum petang dan makan malam.

**NFO:** Okay.

**NAA:** Okay pada pengetahuan kami semasa Tuan menjadi seorang tentera, Tuan telah berkahwin. Okay, ketika operasi adakah isteri Tuan ketika itu mengandung?

**MBO:** Pada peringkat awal, [berfikir sebentar] semasa dalam operasi saya pernah mengalami atau menghadapi masalah tersebut kerana pada pada [ulang ayat] anak pertama iaitu semasa isteri saya melahirkan anak pertama, saya berada di dalam kawasan operasi. Begitu jugak dengan anak yang kedua saya terlibat dalam operasi. Anak yang pertama saya terlibat di dalam operasi iaitu di kawasan Gubir, Kedah dan anak kedua saya terlibat dalam operasi di Kawasan Ayer Tanah Hitam, Perak. Dan pengalaman saya pada anak yang pertama dan kedua, saya tidak dapat menatap wajah mereka ketika dilahirkan. Hanya selepas seminggu ataupun lima hari selepas bersalin baru saya dapat balik menatap anak-anak saya.

**NFO:** Okay, kami difahamkan kalau pasukan tentera ni akan ada masuk dalam program perbarisan contoh seperti di Istana Negara, jadi dalam sepanjang perkhidmatan Tuan, ada tak

Tuan berkhidmat ataupun Tuan memasuki program ataupun *event* [acara] dalam yang yang [ulangan ayat] melibatkan perbarisan?

**MBO:** Banyak perbarisan yang saya hadapi ataupun terlibat cuma sekali sahaja dalam perkhidmatan saya iaitu pada tahun Sembilan belas tujuh puluh tiga semasa itu saya pasukan saya berpengkalan di Kem Batu Tiga Kluang. Kami terlibat dengan lawatan perbarisan, lawatan Ratu Elizeberth iaitu di Kuala Lumpur. Selain dari itu, perbarisan mengarak panji-panji, pasukan saya iaitu pada tahun Sembilan belas lapan puluh di Ipoh, Perak dan pertukaran panji-panji iaitu pada tahun yang sama.

**NAA:** Okay ya. Seterusnya, ketika Tuan berkhidmat dalam tentera dan ketika dalam pasukan pernahkah Tuan dilantik menjadi ketua?

**MBO:** Sebagai seorang tentera dan pegawai memanglah saya adalah sebagai ketua kepada anggota-anggota bawahan saya iaitu semasa berkhidmat di pasukan Infamteri, saya adalah sebagai ketua dan berkhidmat di pasukan-pasukan pentadbiran iaitu di stesyen staf. Saya adalah sebagai pegawai logistic yang bertanggungjawab terhadap lebih kurang seratusih (seratus) dua puluh orang awam dan dua puluh lima anggota tentera.

**NFO:** Ehem, okay.semasa [berdehem] Tuan mengikuti latihan sebagai seorang tentera ada cabaran ataupun dugaan Tuan tempuh semasa sesi latihan

**MBO:** Latihan sebagai seorang tentera sangatlah *tough* [mencabar] ataupun lasak. Latihan-latihan yang dilalui iaitu latihan kawad, latihan berperang, latihan menembak, latihan survival ataupun ikhtiar hidup. Jadi dalam kebanyakan latihan ini memerlukan fizikal yang kuat, mental yang kuat dan sikap ketabahan dan sikap kepimpinan yang ada pada tiap-tiap anggota.

**NAA:** Okay, pada pengetahuan kami Tuan pernah ketika operasi di Somalia. Okay ketika di Somalia, bagaiman cara Tuan berkomunikasi dengan penduduk disana?

**MBO:** Semasa berkhidmat di Somalia, kami di berikan iaitu tiap-tiap kumoulan seoarang jurubahasa. Jadi pergaulan atau perhubungan dengan orang awam kebanyakkan kami gunakan jurubahasa sebab disana orang-orang Somalia ada yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan ada yang tidak boleh bertutur dalam bahasa inggeris terutamanya orang-orang yang berada di bahagian pendalamaman. Jadi dalam masalah ini jurubahasa yang dilantik oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu memainkan peranan yang penting untuk mendapatkan maklumat daripada orang-orang awam.

**NAA:** Okay, ini berkaitan komunikasi jugak, okay dalam pasukan bahasa atau dialek yang digunakan oleh rakan pasukan mudah difahami atau tidak?

**MBO:** Bahasa-bahasa atau dialog yang digunakan biasanya senang difahami oleh kerana kami ni dari berbagai datang dari berbagai negeri. Jadi, oleh kerana pencampuran yang begitu baik dialog-dialog yang digunakan oleh anggota-anggota senang difahami.

**NFO:** Okay Tuan kami ingin meneruskan soalan lagi. Sepanjang perkhidmatan Tuan,Tuan pernah *join* [menyertai] atau terlibat dalam istiadat makan beradab dengan pembesar-pembesar atau pun orang yang penting seperti VVIP?

**MBO:** Majlis makan beradab ni biasa diadakan di peringkat rejimental ataupun dekat pasukan iaitu setiap tiga bulan sekali sempena hari jadi pasukan ataupun hari perpisahan pegawai pemerintah. Saya pernah terlibat dalam istiadat makan beradab bersama Kennal Terhormat Diraja iaitu Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah iaitu pada tahun Sembilan belas Sembilan puluh tujuh di anak (tersasu) Istana Anak Bukit, Kedah.

**NAA:** Demikian sahaja temubual kedua bersama Mej (B) Othman bin Haji Ahmad. Sebelum kami akhiri temubual ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan maaf atas salah silap kami sepanjang temubual ini.

**NFO:** Kami akhiri temubual ini dengan ucapan terima kasih di atas kerjasama dan jawapan telah Tuan berikan. Kami amat beruntung kerana dapat menemubual seorang pesara tentera yang mempunyai banyak pengalaman yang boleh menceritakan pelbagai kisah tentang kehidupan seo seseba [tersasul] sebagai seseorang tentera.

**MBO:** Saya ucapkan terima kasih juga dan saya rasa berbesar hati dimana kisah silam saya sepanjang tiga puluh dua tahun untuk dibukukan atau dikemukakan bagi pengetahuan ataupun untuk renungan anak-anak muda yang akan berkhidmat di dalam perkhidmatan angkatan tentera di masa-masa akan datang. Sekian wabillahhi taufik wassallammualaikum warrahmatullahi wabarakatuh [bunyi tutup pintu, ketawa dan bercakap]

# **LOG TEMUBUAL**

## 7.0 LOG TEMUBUAL

- LOG TEMUBUAL PERTAMA

MASA	PERKARA	KATA KUNCI
00:31	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mej. (B) Othman Bin Hj Ahmad.</li> <li>• Lahir pada tahun 1954.</li> <li>• Lahir di Tikam Batu, Sungai Petani, Kedah.</li> <li>• Anak keempat dari lapan orang adik beradik</li> <li>• Sekolah Inggeris Sungai Layar.</li> <li>• Sekolah Menengah Ibrahim/ Ibrahim Secondary School.</li> <li>• Mendirikan rumah tangga pada tahun 1981</li> <li>• Isteri: Normah Binti Shekh</li> <li>• Bilangan anak: 5 orang anak, 3 lelaki dan 2 perempuan</li> </ul>
02:44	Pengalaman berkecimpung dalam ketenteraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menceburkan diri di dalam angkatan tentera pada 1973</li> <li>• Mendapat latihan asas di pusat latihan tentera darat iaitu di Port Dickson</li> <li>• Ditukarkan ke batalion keenam rejimen askar melayu diraja yang berpengkalan di Kem Batu Tiga Kluang Johor sehingga tahun 1975.</li> <li>• Pada tahun 1975, berpindah ke Kem Kukusan Tawau, Sabah.</li> <li>• Terlibat di dalam operasi memburu pengganas komunis iaitu di Sempadan Malaysia-Thailand, Pahang, Kedah dan Johor selepas tamat latihan.</li> <li>• Ditugaskan untuk memburu pengganas</li> </ul>

		<p>komunis yang terlibat di dalam serang hendap iaitu di Jalan Baling Kroh tetapi gagal kerana penganas komunis telah melarikan diri.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah menjumpai satu food dump ataupun tempat simpanan makanan komunis yang ditanam di dalam tanah semasa menjalankan operasi latihan di Kuala Nrang.</li> </ul>
05:56	Negeri yang pernah berkhidmat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Di Kem Kukusan Tawau, Sabah</li> <li>• Bau, Sarawak.</li> <li>• Kem Taiping, Perak.</li> </ul>
08:30	Pengalaman di Kem Taiping, Perak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terlibat di dalam banyak operasi menentang penganas komunis.</li> <li>• Telah berjaya membunuh seorang penganas komunis iaitu di Cameron Highland.</li> <li>• Diserang hendap oleh penganas komunis.</li> <li>• Terperangkap di dalam serangan komunis.</li> </ul>
10:20	Perkhidmatan sebagai anggota tentera selepas tahun 1985	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai jurulatih logistik.</li> <li>• Ditugaskan sebagai pegawai logistik dalam tentera darat</li> <li>• Berkhidmat dengan pasukan 14 Rejimen Askar Melayu Diraja di Kem Terendak, Melaka.</li> <li>• sebagai pengurus pengurusan senjata senjata bantuan satu kosong enam millimeter dan jip pembawa senjata bantuan.</li> <li>• bertugas di Somalia bersama dengan pasukan MALBAT Tiga (Malaysia Batalion Tiga) sebagai tentera pengaman ataupun Force Skipping.</li> <li>• Menceritakan pengalaman di Somalia.</li> </ul>

17:07	Tujuan ke Somalia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebagai penyatuan-penyatuan di antara etnik yang memberontak untuk mendamaikan mereka supaya negara tersebut kembali aman dan mempunyai pemerintah.</li> <li>• Memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan</li> </ul>
-------	-------------------	---

19:22	Umur ketika menyertai kem tersebut	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketika umur 40 tahun</li> </ul>
19:47	Tempat tinggal keluarga ketika berkhidmat di Somalia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarga menetap di Kem Mahkota Kluang, Johor</li> </ul>
22:28	Negeri yang berkhidmat selepas Somalia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kem Mahkota Kluang, Johor sehingga tahun 1996</li> <li>• Ditukarkan ke Markas Stesyen Staf Taiping seninggal bersara pada tahun 2005</li> </ul>
23:55	Latihan bersama tentera asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terlibat dengan latihan Haringgaru bersama tentera Australia di Sik, Kedah</li> </ul>
24:27	Tempat penganugerahan	<p>Tahun 2004</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penganugerahan pingat ANM di Istana Negara oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong</li> </ul>
24:48	Tarikh bersara dan aktiviti selepas bersara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkhidmat selama 32 tahun</li> <li>• Bersara pada Januari 2005</li> <li>• Menubuhkan syarikat O and N Enterprise</li> <li>• Hobi seperti memancing dan membela binatang</li> </ul>
26:29	Kenangan manis dan pahit sepanjang menjadi tentera	<p>Pengalaman pahit:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sahabatnya yang terlibat kemalangan</li> <li>• Ketika di Somalia, berjauhan bersama keluarga selama 7 bulan</li> </ul> <p>Pengalaman manis:</p>

		Melawat ke Thailand, Singapura dan Kenya
28:10	Pesanan dan nasihat kepada anak muda yang akan menyertai tentera	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelulusan akademik yang tinggi</li> <li>• Mengorbankan masa dan diri</li> <li>• Jangan sesekali berpuas hati dengan apa yang ada</li> <li>• Sikap berlawan ataupun untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi patut ditanam di dalam sanubari</li> <li>• Pengetahuan yang luas, kesihatan yang baik dan otak pintar</li> </ul>

- LOG TEMUBUAL KEDUA

MASA	PERKARA	KATA KUNCI
29:54	Ucapan pembukaan temubual sesi kedua	
30:26	Penglibatan operasi ketika waktu raya	<p>Tahun 1983</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak dapat pulang beraya di kampong halaman</li> <li>• Terlibat dengan operasi di Gopeng, Perak</li> </ul>
33:15	Tindakan tata tertib	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak pernah dikenakan tata tertib</li> <li>• Kesalahan kecil seperti keluar ke pekan tidak berpakaian lengkap</li> </ul>
34:17	Cara solat di dalam hutan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengerjakan solat secara persendirian mengikut kumpulan yang ditetapkan</li> <li>• Solat berjemaah akan terdedah kepada bahaya</li> <li>• Takbir solat hari raya dalam kumpulan yang kecil</li> </ul>
35:24	Jadual makan ketika latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Empat kali sehari</li> <li>• Sarapan pagi, makan tengah hari, minum petang dan makan malam</li> </ul>
36:08	Isteri hamil ketika operasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengalami pada anak pertama dan kedua</li> <li>• Anak pertama ketika operasi di Gubir, Kedah</li> <li>• Anak kedua ketika operasi di Ayer Tanah Hitam, Perak</li> </ul>
37:48	Penglibatan dalam perbarisan	Tahun 1973

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan perbarisan Ratu Elizeberth di Kuala Lumpur Tahun 1980</li> <li>• Perbarisan mengarak panji-panji di Ipoh, Perak</li> <li>• Pertukaran panji-panji pada tahun yang sama</li> </ul>
39:19	Perlantikan menjadi seorang ketua	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semasa berkhidmat di pasukan Infanteri menjadi ketua dan berkhidmat di pasukan pentadbiran di stesen staf</li> <li>• Pegawai logistik yang bertanggungjawab 120 orang awam dan 25 anggota tentera</li> </ul>
40:22	Cabarau atau dugaan semasa sesi latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Latihan kawad, latihan berperag, latihan menembak, latihan survival ataupun ikhtiar hidup</li> <li>• Perlukan fizikal dan mental yang kuat</li> <li>• Sikap ketabahan dan sikap kepimpinan</li> </ul>
41:26	Komunikasi ketika operasi di Somalia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melalui jurubahasa</li> <li>• Sesetengah penduduk di sana bertutur dalam bahasa Inggeris</li> <li>• jurubahasa yang dilantik oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu</li> </ul>
42:42	Kefahaman dialek yang digunakan oleh rakan pasukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• bahasa yang digunakan mudah difahami</li> <li>• datang dari pelbagai negeri</li> </ul>

43:34	Penglibatan dalam istiadat makan beradab bersama pembesar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• peringkat rejimental tiga bulan sekali</li> <li>• tahun 1973</li> <li>• pernah terlibat bersama Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah di Istana Anak Bukit, Kedah</li> </ul>
44:50	UCAPAN PENUTUP	

**RALAT**

## **8.0 RALAT**

Sesi temubual bersama tokoh pilihan iaitu Mej (B) Othman Haji Ahmad telah dilakukan di rumah beliau sendiri di Taiping, Perak. Sepanjang temubual berlaku terdapat beberapa gangguan yang telah termasuk di dalam rakaman temubual tersebut. Antara gangguan yang dihadapi adalah seperti senarai yang tertera di bawah berikut:

- Bunyi kipas
- Batuk
- Bunyi kertas
- Bunyi hujan
- Bunyi pintu
- Ketawa

# GLOSARI

## **9.0 GLOSARI**

### **A**

And dan

Anti-personal carier – kereta kebal

### **B**

Ballastik helmet – topi pelindungan yang digunakan oleh tentera

### **E**

Event – acara

### **F**

Fasilitas – fasiliti

Food dump –tempat simpanan makanan komunis yang ditanam di dalam tanah

Force Skipping- tentera pengaman

Ibrahim Secondary School – Sekolah Menengah Ibrahim

Ideologi – pemikiran

### **J**

Join – mengikuti

### **K**

Konsitenal wayar- dawai bergulung

### **L**

**L** Latihan Haringgaru – latihan bersama tentera Australia

**N**

Nursery - tapak semaian

**P**

Peluru mortar – untuk meledakkan bahan dorong dan menembak meriam

**S**

Survival – ikhtiar hidup

**T**

Tough – mencabar

Training – latihan

**V**

VVIP – orang teramat penting

# **INDEKS**

## **10.0 INDEKS**

- Anugerah, 28
- APC , 7, 26,-27
- Batalion, 6-7, 23, 25, 30, 35-36
- Bersara , 5, 7, 17, 27-28, 37
- Hari Raya Aidilfitri , 4, 8, 30
- Istiadat makan beradab , 33, 41
- Kem , 6-8, 23-27, 30,32, 35-37
- Latihan , 4,6-8,18,23-25,27-28,31-32,35-37,39-40,45
- Logistik , 7-8,25,27,36
- MALBAT Tiga , 7,25,36
- Operasi , 6-9,24-25,28,30-32,35-36,39-40
- Pasukan Infanteri 30,40
- Pegawai logistik , 7-8,25,27,36
- Pengalaman , 4,6-9,17,19-20,22-23,25-28,30-31,33,35-37
- Perbarisan , 31-32,39-40
- Perkhidmatan , 25,27,30-33,36,46-47
- Pesara tentera , 17,33,46-47
- Rejimen Ke empat Belas Askar Melayu Diraja, 27
- Somalia , 7,18,25-28,32-36
- Tentera, 4,6-9,16-19,22-23,25,27-29,31-33,35-37,40,44-45,47

## **11.0 KESIMPULAN**

Intinya, kajian melalui temubual bersama pesara tentera iaitu Mej (B) Othman Hj Ahmad untuk mengetahui pengalaman beliau sepanjang menjadi seorang tentera sehinggalah bersara. Di samping itu, ia juga berkaitan latar belakang beliau dan aktiviti yang dilakukan sejurus beliau bersara. Melalui temubual ini, ia akan diberi pendedahan mengenai operasi yang beliau pernah terlibat di dalam negara atau luar negara. Di samping itu, sepanjang beliau menjadi seorang tentera, ia boleh dijadikan pengajaran buat anak-anak muda yang bakal menceburi dalam bidang ketenteraan. Menjadi seorang tentera bukanlah profesion yang mudah kerana ia amat mencabar dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Selain itu, seorang tentera juga akan mengorbankan masa dan diri mereka demi negara tercinta. Tambahan pula, melalui temubual ini, beliau telah banyak menceritakan pengalaman manis dan pahit sepanjang perkhidmatan beliau menjadi seorang tentera. Oleh itu, temubual bersama Mej (B) Othman Hj Ahmad akan didokumentasikan supaya orang awam mendapat pengetahuan berkaitan kisah duka seorang pesara tentera dan menjadi renungan orang awam dan generasi akan datang.

# **RUJUKAN**

## **12.0 RUJUKAN**

Othman Hj Ahmad, Mei 17 2018.

Othman Hj Ahmad, Jun 29 2018.

# **LAMPIRAN**

## **13.0 LAMPIRAN**

- **SURAT PERJANJIAN**

- **BORANG PENGESAHAN PENCERAMAH LUAR**

• DIARI PENYELIDIKAN

Tarikh	Lokasi	Masa	Catatan
7 Mac 2018	MK 5	8.00-11.00 pagi	Kelas pertama di mana Dr Azree mengajar dan menerangkan tentang silibus IMR 604 dan pengenalan tentang Oral History. Pemilihan ahli kumpulan telah dibuat iaitu hanya dua orang satu kumpulan
21 Mac 2018	MK 5	8.00-11.00 pagi	Penerangan lebih lanjut tentang Oral History. Dr Azree meminta kami untuk menyenaraikan tiga tokoh untuk ditemu bual
11 April 2018	MK 5	8.00-11.00 pagi	Kami telah menerangkan setiap tokoh itu dan menilai kelebihan jika memilih tokoh tersebut. Dr Azree telah memberi cadangan untuk pemilihan setiap tokoh tersebut untuk ditemu bual
18 April 2018	MK 5	8.00-11.00 pagi	Kami telah berbincang sekali lagi berkaitan pemilihan tokoh untuk ditemu bual
25 April 2018	MK 5	8.00-11.00 pagi	Kami telah berbincang dengan Dr Azree mengenai pemilihan tokoh ini dan telah mendapat persetujuan untuk meneruskan temu bual bersama Mej (B) Othman bin Hj Ahmad.

29 April 2018	Pejabat Bantuan, Kedah	Polis UiTM	4.40 petang	Kami telah menghantar surat kebenaran untuk penceramah luar di Pejabat Bolis Bantuan. UiTM Kedah dan surat tersebut telah disahkan oleh Tuan
13 Mei 2018	Di rumah sewa Fasa 5		8.00pagi-3.00 petang	Kami menghantar maklumat berkenaan tokoh yang dipilih melalui i-learn. Masa yang diberikan 7 jam untuk menjawab dan menghantar maklumat tersebut
16 Mei 2018	Bergerak ke Taiping, Perak		5.00-7.00 petang	Pada pukul 5.00 petang bertolak ke Taiping dari Merbok. Perjalanan mengambil masa dua jam. Kami tiba di rumah Mej (B) Othman Haji Ahmad dan disambut oleh beliau dan isterinya
17 Mei 2018	Taiping, Perak		2.00-5.00 petang	Keesokannya kami meneruskan dengan menemubual Mej (B) Othman Haji Ahmad. Temu ramah itu mengambil masa hampir dua jam.
6 Jun 2018	MK 5		8.00-11.00 pagi	Pensyarah kami telah menerangkan berkaitan proses untuk menyiapkan transkrip

28 Jun 2018	Bertolak ke Taiping	6.00petang-8.00 malam	Kami bertolak dari Merbok pada pukul 6.00 petang dan perjalanan ini mengambil masa selama dua jam. Kami ke Taiping untuk meneruskan temubual kedua kami bagi mendapatkan maklumat tambahan
29 Jun 2018	Taiping, Perak	8.15-8.30 malam	Temubual kedua di rumah tokoh sendiri
5 Julai 2018	MK 5	8.15 pagi	Pembentangan
6 Julai 2018	Kedai percetakan		Penghantaran transkrip untuk dibukukan
12 Julai 2018	Pejabat Dr Azree		Penghantaran transkrip

**GAMBAR**



**TEMU BUAL PERTAMA**





**BERPAKAIAN UNIFORM LENGKAP**



**TEMUBUAL KEDUA**


## GAMBAR-GAMBAR SEPANJANG PERKHIDMATAN BELIAU











941 | 27A





MINISTERI  
BAHAGIAN ISTIADAT & URUSETIA  
PERSIDANGAN ANTARABANGSA  
JALAN 2/10, BLOK B3,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62502 PUTRAJAYA.

Tel: 6888 1957  
Fax: 6888 3903  
6888 3940  
6888 3980  
6888 3981  
6888 3471  
6888 3477

PM.11495/33/A Jld. XCV (44)  
9 November 2004

Maj. Othman bin Haji Ahmad  
Markas Stesen Staf Taiping  
Jalan Kemunting Lama  
34000 TAIPING, PERAK

Tuan,

**WATIKAH PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN/ BINTANG/ PINGAT  
PERSEKUTUAN**

Saya diarah menjuk perkara tersebut di atas di mana tuan telah diwartakan dengan Darjah Kebesaran/ Bintang dan Pingat, Ahli Mangku Negara (AMN) pada Istiadat Pengurnian Darjah Kebesaran/ Bintang/ Pingat Persekutuan yang telah berlangsung di Istana Melawati, Putrajaya pada 27 Julai 2004.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, wakilah berkenaan telah tidak dapat diserahkan kepada tuan pada hari tersebut. Oleh yang demikian, suada bersama-sama ini diaimpulkan wakilah berkenaan untuk simpanan tuan.


3. Jabatan ini amat berbesar hati sekranya tuan dapat memberi akuan perencaan wakilah tersebut dengan menandatangani surat akuan perencaan yang dilampirkan bersama-sama surat ini dan mengembalikannya ke Jabatan ini dengan segera.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(FATHILAH BINTI YAACOB)  
Seksyen Istiadat dan Protokol  
Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa  
b/p Ketua Setiausaha Negara





## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara/temubual yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan .....  
.....

Pada ..... 17 Mei 2018 .....

1. Pita rakaman hasil wawancara/temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (Interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dan lain-lain, sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

A handwritten signature in black ink, appearing to be a name starting with 'H...' followed by initials.

Pengisah (Interviewee)

Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

## BORANG PENGESAHAN PENCERAMAH LUAR

- Sila isi borang dan dapatkan pengesahan daripada Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Kedah.
- Sila lampirkan borang ini bersama borang C (Tabung Amanah Pembangunan Akademik Pelajar - TAPA).
- Sila lampirkan Profil / CV Penceramah Luar.

### A. Maklumat Aktiviti

Nama Aktiviti : IMR 604  
 Anjuran : KIM 244 SC  
 Tarikh Aktiviti : 18 MEI 2018  
 Tempat Aktiviti : TAIPING, PERAK

### B. Maklumat Penceramah Luar

Nama Penuh : MEJ(CB) OTHMAN BIN HJ AHMAD  
 Organisasi : BERPENCEN  
 Jawatan : PESARA TENTERA  
 Tajuk Ceramah : ASSYGNMENT IMR 604

### C. Maklumat Penganjur

1. Nama Pelajar	: <u>NUR FARHANAH BT OTHMAN</u>	1. Nama Penasihat	: <u>DR. AZREE BIN AHMAD</u>
2. No. Telefon	: <u>017-4654021</u>	2. No. Telefon	: <u>016-2480000</u>
3. Tandatangan	: <u>wf</u>	3. Tandatangan	: <u>DR. AZREE BIN AHMAD</u>

DR. AZREE BIN AHMAD  
 Ketua Pusat Pengajian  
 Fakulti Pengurusan Maklumat  
 Universiti Islam Negeri Sultan Idris Shah  
 Perak Darul Ridzuan

## PENGESAHAN POLIS BANTUAN UiTM CAWANGAN KEDAH

Adalah dengan ini disahkan bahawa penceramah di atas \*dibenarkan / tidak dibenarkan menyampaikan ceramah sebagaimana di atas.

Tandatangan	: <u>Asyraf</u>
Ketua Bahagian	: <u>AFZANIZAN BIN TALIB</u>
Cop Jawatan	: <u>Pejabat Polis Bantuan</u>
Tarikh	: <u>18/5/18</u>
Catatan (jika ada)	: <u>Cawanca Jaya Lubuk</u>

